

JUMAAT, 3 FEBRUARI, 1989

## Kumpulan serpihan pertikai keikhlasan Musa

PERKARA paling menarik berikutan pengumuman Datuk Musa Hitam menyertai semula Umno ialah reaksi kumpulan serpihan pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Bagi kita ada banyak perkara yang harus difikirkan apabila menilai sikap dan kenyataan ahli kumpulan serpihan yang sebelum ini berganding bahu dengan Datuk Musa untuk menubuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Paling menarik diperinci ialah kenyataan penyokong kuat Tengku Razaleigh, Haji Ibrahim Ali yang menyatakan harapannya supaya Datuk Musa benar-benar jujur apabila membuat keputusan itu.

Sama ada kenyataan Ibrahim Ali itu mewakili pendirian kumpulan serpihan atau tidak, yang nyata ia membuka banyak lorong pertanyaan. Apakah Ibrahim Ali dan kumpulannya menganggap Datuk Musa sebenarnya tidak jujur menyertai semula Umno? Apakah Ibrahim Ali terkilan dengan kenyataan itu kerana tidak berapa lama dulu beliau begitu menyanjung dan memuja Datuk Musa? Walau apa pun tafsiran berhubung kenyataan Ibrahim Ali itu, ianya tidak memberi apa-apa kesan kepada keputusan Datuk Musa kerana Ibrahim Ali sendiri lebih kerap melompat

keluar parti daripada Datuk Musa.

Namun bagi kita, yang lebih penting ialah semua pihak seharusnya melebarkan deria politik masing-masing untuk menilai semua kenyataan berhubung keputusan Datuk Musa dan rakan-rakannya itu kerana ia amat penting bagi menjamin kestabilan politik Melayu khususnya dan negara amnya. Memang benar, keputusan Datuk Musa Hitam itu mengakhiri teka-teki mengenai sikapnya yang kurang jelas selama ini berhubung isu Umno sejak beliau meninggalkan kerajaan tiga tahun lalu. Bagaimanapun, sikap serta reaksi kumpulan serpihan yang digandinginya sebelum ini mencetuskan lebih banyak tanda tanya baru. Kita berharap harapan yang dinyatakan oleh Ibrahim Ali itu bukan satu kenyataan sinis terhadap Datuk Musa.

Dalam sidang akhbaranya Selasa lalu, Datuk Musa berkali-kali menyatakan bahawa beliau memang menunggu-nunggu beberapa soalan seperti itu dikemukakan. Datuk Musa menyatakan bahawa beliau ialah seorang ahli politik yang bersikap sederhana dan dalam beberapa hal tertentu bertanggungjawab melembutkan sikap pemimpin-pemimpin Umno. Perubahan ini, beliau

tegaskan, adalah faktor terpenting yang mempengaruhi keputusannya menyertai semula Umno. Justeru itu, apabila dihadapkan dengan pertanyaan apakah keputusan memperbaharui keahlian dalam Umno itu ada kena mengena dengan keadaan kesihatan presiden Umno, beliau dengan tegas menyatakan tidak, tetapi sebaliknya ia adalah demi memelihara kesihatan Umno.

Bagaimanapun, kenyataan Ibrahim Ali mendorong tanda tanya baru. Ibrahim Ali berharap Datuk Musa tidak menggunakan kesempatan hakikat Datuk Seri Dr Mahathir terpaksa menjalani pembedahan pintasan koronari jantungnya untuk membuat satu pintasan politik pula. Benarkah ini satu lagi congakkan politik Datuk Musa? Benarkah beliau sedang membuat satu lagi jalan pintas untuk kembali berkuasa dalam Umno dan kerajaan? Sejarah mencatatkan bahawa apabila Datuk Musa dicalonkan dengan suara terbanyak untuk memimpin Pergerakan Pemuda Umno bagi menggantikan Datuk Harun suatu masa dulu, beliau memilih jalan pintas untuk keluar daripada kecamuk politik Pemuda ketika itu. Apakah kali ini beliau bukan mencari jalan pintas untuk keluar daripada kumpulan

serpihan yang semakin kabur dasar perjuangannya? Sayugia diingat ketika bergerak di luar Umno dan mencabar kepemimpinan sekarang, beliau diiringi oleh ramai pengikut di kalangan wakil rakyat tetapi kini apabila beliau pulang, hanya tiga wakil rakyat yang menyertainya. Adakah keadaan dalam Umno kini membuka peluang bagi beliau membuat jalan pintas untuk memegang teraju Umno pula?

Bagi kita persoalan ini semua sebenarnya timbul kerana faktor masa. Memang secara kebetulan, kata Datuk Musa, beliau harus membuat keputusan ini sewaktu Datuk Seri Dr Mahathir tidak sihat. Beliau mengingatkan bahawa keputusannya juga dipengaruhi oleh Perhimpunan Melayu Johor 18 Disember lalu. Rumusan enam perkara perhimpunan itu diterima oleh Majlis Tertinggi Umno pada 13 Januari dan Badan Perhubungan Umno Johor pula cuma bermesyuarat mengenai keputusan Majlis Tertinggi pada 25 Januari. Sebab itu, kata Datuk Musa, keputusan menyertai semula Umno cuma dibuat pada 31 Januari, iaitu dua hari selepas keputusan pilihanraya kecil Ampang Jaya diketahui.